

HAJI AHMAD HAKIM: ARKITEK PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)

HAJI AHMAD HAKIM: THE ARCHITECT OF THE ESTABLISHMENT OF THE PERLIS ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL AND MALAY CUSTOMS (MAIPs)

Hazman Hassan¹

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz²

Ahmad Hifzurrahman Ridzuan³

Muhammad Isyraf Ishak⁴

Mohd Nazim Mohd Noor⁵

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(Email: hazman@uum.edu.my)

² Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis
(UniMAP), Malaysia, (Email: kasturi@unimap.edu.my)

³ Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis
(UniMAP), Malaysia, (Email: hifzurrahman@unimap.edu.my)

⁴ Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAIPs), Malaysia,
(Email: isyrafishak13@gmail.com)

⁵ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Malaysia,
(Email: mohdnazim@maips.gov.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Hassan, H., Abdul Aziz, M. K. N., Ridzuan, A. H.,
Ishak, & Mohd Noor, M. N. (2023). Haji Ahmad
Hakim: Arkitek Penubuhan Majlis Agama Islam
Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Journal
of islamic, social, economics and Development
(JISED)*, 8 (58), 167 – 176.

Abstrak: *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) adalah badan tertinggi bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di negeri Perlis, Malaysia. Ditubuhkan semenjak tahun 1920 pada zaman pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail, tidak ramai yang mengenali tokoh yang berfungsi sebagai arkitek penubuhan MAIPs. Beliau adalah Haji Ahmad bin Muhammad atau lebih dikenali sebagai Haji Ahmad Hakim (1892-1964) iaitu seorang hakim, reformis Islam dan pejuang kemerdekaan negeri Perlis. Artikel ini bertujuan untuk menyorot kembali jasa Haji Ahmad Hakim yang berikhtiar habis-habisan di balik tabir sehingga tertubuhlah Majlis Agama Islam ini. Meskipun dilupakan dan jasa-jasanya tidak didendang, legasi perjuangan Haji Ahmad Hakim memartabatkan agama menerusi penubuhan MAIPs sesungguhnya masih berkekalan sehingga ke hari ini dan akan terus mekar di persada nasional, serantau dan antarabangsa.*

Kata kunci: *Perlis, MAIPs, Majlis Agama Islam, Ulama, Islah.*

Abstract: *The Perlis Islamic and Malay Customs Council (MAIPs) is the highest authority for the administration and management of Islamic affairs in the state of Perlis, Malaysia. Established in 1920 during the reign of Raja Syed Alwi Jamalullail, few recognise the figure who played a pivotal role in the establishment of MAIPs. He is Haji Ahmad bin Muhammad, better known as Haji Ahmad Hakim (1885–1964), a judge, an Islamic reformist, and a freedom fighter for the state of Perlis. This article aims to shed light on the contributions of Haji Ahmad Hakim, who worked tirelessly behind the scenes to bring about the formation of the Perlis Islamic Council. Although he has been forgotten and his contributions unsung, Haji Ahmad Hakim's legacy in advancing religion through the establishment of MAIPs continues to endure to this day and will continue to flourish on the national, regional, and international stage.*

Keywords: *Perlis, MAIPs, Islamic Council, Ulama, Islah.*

Pengenalan

Negeri Perlis sebagai sebuah kerajaan Melayu tersendiri di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail bermula pada tahun 1843. Raja Perlis pertama ialah Raja Syed Hussin Jamalullail (1843-1873). Kedudukan baginda sebagai pemerintah Perlis disokong para pembesar tempatan dan didokong kesetiaan rakyat jelata. Selain itu, baginda turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Siam di Bangkok dan kerajaan Kedah di Anak Bukit. Sepanjang pemerintahan Wangsa Jamalullail di bumi Perlis, kedudukan agama Islam diberi keutamaan dalam sistem pentadbirannya.

Menjelang awal kurun ke-20, pada zaman pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail telah meletakkan tanda aras tertinggi terhadap kedudukan agama Islam dalam pentadbiran negeri Perlis. Bermula dengan penubuhan Dewan Penasihat Raja dan Majlis Mesyuarat Negeri Perlis pada tahun 1920, pentadbiran agama Islam mengalami perubahan yang besar sehingga tertubuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pada tahun 1949. Peranan para pembesar tempatan seperti Haji Ahmad Hakim begitu signifikan dan tidak dapat dinafikan dalam menyokong penuh dasar Perlis dari aspek pentadbiran Islam di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail. Haji Ahmad bin Muhammad atau lebih dikenali sebagai Haji Ahmad Hakim (1892-1964) iaitu seorang hakim, reformis Islam dan pejuang kemerdekaan negeri Perlis telah memainkan peranan penting di balik tabir sehingga tertubuhlah MAIPs.

Latar Belakang Tokoh

Haji Ahmad bin Haji Muhammad atau dikenali sebagai Haji Ahmad Hakim, yang juga seorang tokoh perundangan syariah negeri Perlis. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Makkah, Arab Saudi pada tahun 1892. Nasab Haji Ahmad Hakim bersusur galur daripada golongan elit ulama' dan umara' yang amat berpengaruh di negeri Perlis. Datuk beliau yang bernama Syeikh Amar berasal dari Sumbawa, sebuah pulau yang kini termasuk dalam wilayah Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Syeikh Amar dikatakan pernah menjadi salah seorang pemerintah atau pembesar yang pernah berkhidmat dengan Kesultanan Bima yang mentadbir Sumbawa suatu ketika dahulu. Seorang anak Syeikh Amar iaitu Haji Abdul Latif telah berhijrah ke Pulau Pinang dan seterusnya menetap di Perlis pada zaman pemerintahan Raja Syed Ahmad Ibnu Raja Syed Hussein Jamalullail (1873-1897).

Pada zaman pentadbiran Raja Perlis kedua ini, Haji Abdul Latif telah diperkenankan untuk membuka sebuah pusat pengajian Islam pertama di negeri Perlis yang berkonsepkan pengajian *umumi* dan dikatakan terletak di pinggir sebatang sungai. Anak Haji Abdul Latif iaitu Haji

Muhammad bermukim dan menuntut di Masjidil Haram, Makkah selama beberapa tahun. Maka di tanah suci inilah seorang anak beliau yang juga cucu Tuan Guru Haji Abdul Latif dilahirkan pada tahun 1885 dan diberi nama Ahmad, yang kemudiannya dikenali sebagai Haji Ahmad Hakim. Sepulangnya Haji Abdul Latif ke Perlis, beliau diperkenankan oleh Raja Syed Ahmad untuk dilantik sebagai Qadhi Besar Perlis yang kedua, menggantikan Syed Muhammad Al-Haddad. Justeru membesarkan Haji Ahmad Hakim dalam lingkungan umara' iaitu Istana Perlis tempat ayahnya bertugas sebagai Kadhi Besar negeri, dan lingkungan ulama' yang diwarisi daripada datuk beliau lagi, Tuan Guru Haji Abdul Latif.

Sebelum menjadi Hakim Besar Perlis, Haji Ahmad Hakim menceburkan diri dalam bidang kehakiman bagi menimba pengetahuan dan mengasah kemahiran sejak daripada peringkat asas lagi. Pada mulanya beliau berkhidmat sebagai kerani di Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Berikutnya beliau dinaikkan pangkat kepada jawatan Penolong Kadi, kemudiannya sebagai Majistret Mahkamah Syariah, diikuti sebagai Penolong Pemangku Hakim Besar dan diperkenankan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail untuk menjawat kedudukan Hakim Besar Negeri Perlis. Oleh yang demikian, tidak hairanlah beliau digelar sebagai "Haji Ahmad Hakim" kerana begitu sinonim dengan sistem kehakiman Perlis moden. Dato Sir Mahmood bin Mat (Menteri Besar Pahang pertama, 1948-1951) yang ketika itu bertugas sebagai Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri Perlis telah menghuraikan pengaruh Haji Ahmad Hakim yang bukannya kecil. Di dalam memoirnya (Mustapha Mahmud, 2017), Dato Sir Mahmood menulis tentang Haji Ahmad Hakim yang disebut sebagai *Chief Judge of the State*: "*The British Adviser explained to me briefly the various problems which needed solution in the state in the coming years. He wanted me to function exactly as a District Officer in the Federal Malay States in addition to reorganising the land administration. Then the British Adviser invited to his office, all the Heads of Departments and Senior Officers of the Government and introduced me to them. Amongst them was the Chief Judge of the State (Haji Ahmad Hakim). He was an intelligent man with a progressive outlook. He wielded much influence over His Highness the Raja. I realized that I had to take good care not to let my activities run counter to his line of thinking. This way by no means easy under the circumstances, but had to be done as a matter of necessity, for the ultimate success or failure of my mission in the state depended to a large extent on whether or not I could get him on to my side.*"

Maka ketokohan dan kebijaksanaan Haji Ahmad Hakim diiktiraf oleh Penasihat British sebagai seorang yang sangat bijak dan progresif.

Haji Ahmad Hakim dan Sumbangannya kepada Negeri Perlis

Haji Ahmad Hakim (1892-1964) merupakan salah seorang bapa pengasas negeri Perlis moden. Beliau memberi sumbangan yang besar kepada Perlis sebagai pelaksana wasiat Raja Syed Alwi Jamalullail, pelantik DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai Raja Perlis, ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis, pembaharu perundangan syariah, penentang Malayan Union dan permartabat institusi pendidikan di negeri Perlis.

Pelaksana wasiat Raja Syed Alwi Jamalullail

Pada tahun 1930, secara rasminya Perlis menjadi negeri naungan British apabila Perjanjian Persahabatan Perlis-British dimeterai. Secara formal, Perlis menjadi negeri terakhir di antara sembilan negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang menerima pengaruh British. Perjanjian Persahabatan Perlis-British 1930 ini telah disaksikan oleh Tuan Syed Darus dan Haji Ahmad Hakim di pihak Raja Syed Alwi Jamalullail, dan pihak British iaitu Sir Cecil Clementi (Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negeri-negeri Melayu, 1930-1934) pula

disaksikan oleh L. A. Allen dan A. Hyde (Simon, 1955). Selepas lebih kurang enam bulan dari tarikh Perjanjian Persahabatan Perlis-British 1930, iaitu dalam bulan Oktober 1930, Raja Syed Alwi dengan diiringi oleh L. A. Allen (Penasihat British Perlis) dan Haji Ahmad Hakim telah berangkat ke Singapura. Setelah kembalinya dari Singapura, Raja Syed Alwi dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negeri-negeri Melayu telah mengangkat Haji Ahmad Hakim menjadi seorang ahli baharu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis atau *State Council* (Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992; Mohd Isa Othman, 2001). Oleh itu, Haji Ahmad Hakim mula terlibat aktif secara rasmi bagi membantu Raja Syed Alwi Jamalullail mentadbir negeri Perlis. Beliau merupakan salah seorang penasihat atau individu penting sebagai penyokong kuat institusi Wangsa Jamalullail. Jelas, tidak dinafikan, beliau boleh dianggap sebagai “tongkat” sumber kekuatan kepada Raja Syed Alwi.

Pelantik DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail Sebagai Raja Perlis.

Haji Ahmad Hakim juga berjasa besar sebagai pelantik raja dalam menyelesaikan konflik pewarisan takhta Kerajaan Perlis apabila Raja Syed Alwi Jamalullail tidak menurunkan sebarang waris. Adinda lelaki yang paling tua kepada Raja Syed Alwi ialah Raja Muda Syed Mahmud Jamalullail Al-Haj. Walau bagaimanapun Raja Muda Syed Mahmud telah mangkat pada 1921. Oleh yang demikian Haji Ahmad Hakim mencadangkan anakanda baginda Syed Hassan Ibn Raja Muda Syed Mahmud Jamalullail sebagai Bakal Ganti Raja yang baharu. Ahmad dan Yazid (1992) menegaskan bahawa: “Namun demikian sehingga dalam usia tersebut baginda (Raja Syed Alwi) masih belum mempunyai seorang putera atau puteri pun. Oleh itu, merujuk kepada butir-butir Perjanjian Tahun 1930, menurut Perkara (4), maka pada 6hb. Disember 1934, State Council Perlis telah mengadakan suatu persidangan khas sebagai usaha bagi menentukan seorang Bakal Raja bagi Negeri Perlis selepas Raja Syed Alwi. Dengan itu State Council telah mengambil keputusan mengangkat Tuan Syed Hassan Ibn Syed Mahmud Ibn Syed Safi Jamalullail menjadi Bakal Raja Negeri Perlis. Keputusan tersebut telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan British yang sedang menaungi Negeri Perlis. Tuan Syed Hassan adalah anakanda saudara kepada Raja Syed Alwi. Sebelum dilantik menjadi Bakal Raja beliau telah berkhidmat sebagai Hakim Yang Ketiga di bawah Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad (Hakim Besar). Sebenarnya Tuan Haji Ahmadlah yang memujuk dan menasihati Raja Syed Alwi supaya mengangkat Tuan Syed Hassan sebagai Bakal Raja negeri Perlis.”

Apabila Perlis kehilangan Bakal Ganti Rajanya dengan kemangkatan Syed Hassan Ibn Raja Syed Mahmud Jamalullail pada 18 Ogos 1935, krisis takhta Kerajaan Perlis berulang kembali. Seorang lagi adinda Raja Syed Alwi Jamalullail iaitu Syed Hamzah berusaha untuk menjadi Bakal Ganti Raja baharu. Adapun bagi Raja Syed Alwi Jamalullail sendiri, baginda berpendirian bahawa perwarisan takhta hendaklah meneruskan kesinambungan zuriat Raja Muda Syed Mahmud Jamalullail, yakni Bakal Ganti Raja yang berhak ialah cucunda saudara baginda dan cucunda Raja Muda Syed Mahmud iaitu Syed Putra Ibn Syed Hassan Jamalullail. Pendirian ini adalah tepat menurut adat pewarisan takhta Kerajaan Perlis yang dirintis oleh Raja Perlis kedua, Raja Syed Ahmad Ibn Raja Syed Hussein Jamalullail (1873-1897). Menerusi penetapan yang dimaktubkan sebagai Adat Istana Perlis, cucunda Raja Syed Ahmad iaitu Raja Syed Saffi Ibn Syed Alwi Jamalullail (1897-1904) diangkat menggantikan baginda sebagai Raja Perlis ketiga dengan mengenyepikan waris-waris yang lain, termasuklah adinda baginda Raja Muda Syed Alwi Ibn Raja Syed Hussain Jamalullail atau digelar Tuan Chik Endut.

Berbalik kepada krisis takhta kali kedua pada zaman Raja Syed Alwi Jamalullail, Haji Ahmad Hakim melaksanakan amanah Raja Syed Alwi supaya waris pilihan baginda iaitu Syed Putra Ibn Syed Hassan Jamalullail diangkat sebagai Bakal Ganti Raja Perlis menggantikan

ayahandanya Syed Hassan Ibn Raja Muda Syed Mahmud Jamalullail. Realiti ini dirakamkan oleh Ahmad dan Yazid yang menghuraikan: “Sebenarnya di antara penyokong-penyokong yang giat berusaha supaya Tuan Syed Putra dilantik ialah Tuan Haji Ahmad Hakim, salah seorang daripada ahli *State Council* yang sangat rapat dengan Raja Syed Alwi, yang mana pandangan serta nasihat beliau itu selalunya diterima oleh Raja Syed Alwi.”

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah bersidang pada 30 April 1938 telah bermuafakat untuk mengangkat Syed Putra Ibn Syed Hassan Jamalullail sebagai Bakal Ganti Raja Perlis (Azmah & Azwan, 2014). Walau bagaimanapun semasa pendudukan Jepun, Syed Putra diketepikan dan Syed Hamzah Ibn Syed Saffi Jamalullail dilantik sebagai Pemerintah Perlis. Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, British memulihkan semula kedudukan Syed Putra lalu baginda ditabalkan secara rasmi sebagai DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 12 Mac 1949.

Pembaharu Perundangan Syariah

Tuan Haji Ahmad Hakim memainkan peranan penting dalam usaha-usaha pentadbiran dan kemajuan Islam di Perlis. Ketika menjawat jawatan sebagai Hakim Besar pada tahun 1345/193, beliau mencadangkan kepada Raja Syed Alwi agar diuruskan kutipan zakat dan fitrah secara lebih tersusun. Lima tahun kemudian terbentuklah sebuah Jawatankuasa Perusahaan oleh Raja Syed Alwi dengan Haji Ahmad Hakim sebagai Ketua Mesyuarat Kehormat. Projek utama jawatankuasa ini adalah untuk membina sebuah masjid di Kangar. Demikianlah dari \$64,684 yang dikutip, sebahagian besarnya adalah melalui kutipan zakat dan fitrah. Pada tahun berikutnya Syed Alwi mengisytiharkan satu Peraturan Zakat dan Fitrah dimana Haji Ahmad Hakim turut terlibat menjadi Ahli Jawatankuasanya. Selepas zaman Jepun beliau bukan sahaja dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah, malah juga menjadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam yang baru ditubuhkan pada ketika itu.

Ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis.

Selain itu, Haji Ahmad Hakim telah dilantik sebagai anggota Jemaah Pemangku Raja Perlis Jemaah Pemangku Raja yang diperkenankan oleh DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail terdiri daripada YM Dr. Syed Mahmood bin Syed Hussain Jamalullail, Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad yakni Haji Ahmad Hakim, YM Syed Hussain bin Syed Zain Jamalullail dan kemudian diperkenankan pelantikan Syed Bakar bin Syed Hussein Al-Jafri. Beliau terus diperkenankan sebagai anggota Jemaah Pemangku Raja Perlis sehingga 31 Disember 1962. Semasa kegeringan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Sultan Hisamuddin Alam Shah, iaitu dalam bulan Julai hingga bulan Ogos tahun 1960, DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah menjalankan tugas-tugas Yang DiPertuan Agong. Sehubungan dengan itu, Tuanku Syed Putra telah berkenan melantik suatu Jemaah Pemangku Raja Perlis pada 7 Ogos 1960. Berpandukan Perkara 20(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, Pemangku Raja hendaklah dilantik jika Raja berusia di bawah 21 tahun, Raja dilantik sebagai Yang DiPertuan Agong, Raja berangkat keluar dari Perlis melebihi 30 hari, Raja gering atau uzur, serta jika Raja berhenti menjalankan pekerjaan baginda. Untuk tujuan ini, Pemangku Raja boleh dilantik daripada seseorang individu, atau sekumpulan individu yang dinamakan Jemaah Pemangku Raja. Oleh yang demikian Haji Ahmad Hakim merupakan satu-satunya pembesar yang bukan daripada nasab Kerabat Diraja Wangsa Jamalullail dan bukan daripada keturunan Sayyid Ahlul Bait yang dikurniakan keistimewaan dan penghormatan sebagai Jemaah Pemangku Raja oleh DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Maka semasa DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra bertakhta dan menjalankan tugas Yang DiPertuan Agong, Haji Ahmad Hakim dan ahli-ahli Jemaah Pemangku Raja ‘telah

mewakili baginda, memperbuat dan menjalankan segala perbuatan, hak-hal dan kewajipan-kewajipan yang kena diperbuat dan dijalankan oleh Raja Pemerintah bagi Negeri Perlis”.

Permartabat Institusi Pendidikan di Negeri Perlis.

Haji Ahmad Hakim turut terlibat secara langsung dalam pembinaan beberapa sekolah moden terawal di Perlis. Antaranya Sekolah Arab iaitu Al-Madrasah Al-Alawiyah Al-Diniyah di Arau dan Al-Madrasah Al-Alawiyah Perempuan di Kangar. Beliau menjadi penyumbang dari segi kewangan dalam menggerakkan perjalanan sekolah berkenaan. Selain itu, beliau juga menyokong kuat kepada usaha merealisasikan Sekolah Menengah Inggeris pertama di Perlis iaitu Derma English School yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Derma, tanpa penglibatan golongan misionari Kristian. Apabila Sekolah Menengah Aliran Melayu pertama iaitu Sekolah Menengah Dato’ Syeikh Ahmad diasaskan di Arau (Shukor, 2005), Haji Ahmad Hakim merelakan tanah dan tapak rumahnya dijual kepada kerajaan dengan harga di bawah pasaran, sebagai sumbangan beliau demi menyokong sekolah tersebut.

Penentang Malayan Union

Sebaik sahaja DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail diperakukan sebagai Raja Perlis yang sah, baginda terus dihadapkan dengan dugaan yang sangat besar. Hal ini berlaku apabila baginda dipaksa menandatangani Perjanjian Malayan Union 1946 oleh Sir Harold Mac Michael, wakil Kerajaan British pada 4 Disember 1945. Baginda didesak untuk menyerahkan kedaulatan Kerajaan Jamalullail Perlis, namun baginda menolak. Tambahan pula kandungan Perjanjian Malayan Union amat bertentangan dengan Perjanjian Persahabatan Perlis-British 1930 yang telah dimeterai terlebih dahulu oleh Raja Syed Alwi Jamalullail. Dalam situasi ini, DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail didampingi oleh para pembesar negeri yang setia kepada baginda iaitu Haji Ahmad Hakim, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd Hashim yang turut memprotes tindakan Mac Michael. Situasi ini diperincikan oleh Ahmad dan Yazid (1992) seperti berikut:

“Mac Michael telah datang ke Negeri Perlis dan beliau telah memaksa Raja Syed Putra yang baharu sahaja diangkat menjadi Raja itu supaya menurunkan tandatangan Baginda sebagaimana yang telah dilakukannya terhadap Raja-raja Melayu yang lain. Pada ketika itu Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim, Tuan Haji Ahmad Hakim dan Encik Wan Ahmad bin Wan Daud semuanya berada di samping Raja Syed Putra. Perhatikan sikap dan tindak tanduk Mac Michael itu, Tuan Haji Ahmad Hakim dan Encik Wan Ahmad telah memberitahu Mac Michael bahawa tidak guna beliau datang ke Negeri Perlis ini dan lebih baik sahaja beliau terus menjalankan pemerintahan negeri ini dengan tidak payah mengambil tandatangan Raja Perlis. Mac Michael naik marah bila mendengar kata-kata itu, dan beliau mengatakan yang mereka berdua itu bercakap macam budak-budak”.

Akhirnya baginda diugut oleh Mac Michael yang mendakwa British masih boleh mendapatkan tandatangan individu lain dengan cara menurunkan baginda daripada takhta kerajaan Perlis. Dengan berat hati, DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Malayan Union pada 15 Disember 1945. Walaupun begitu, baginda dengan segera mengirimkan bantahan kepada kerajaan British di London oleh sebab baginda dipaksa menurunkan tandatangan oleh Mac Michael. Apabila bantahan DYMM Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan pembesar-pembesar negeri Perlis ini disediakan, Haji Ahmad Hakim sekali menjadi tulang belakang protes dan sumber kekuatan kepada baginda. British sekali lagi mengatur muslihat untuk “mencairkan” bantahan negeri Perlis tersebut dengan cara melembutkan perkataan-perkataan di dalam dokumen itu sebagai prasyarat untuk

menerimanya. Walau bagaimanapun, Haji Ahmad Hakim terus menerus “berdegil” untuk perkataan asal dikekalkan supaya kebiadaban Mac Michael dapat didedah dan kedaulatan negeri Perlis dipulihkan. Ketegasan Haji Ahmad Hakim ini dicatatkan dalam nota Brigadier Newbould pada 13 November 1945 (Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz, 2015). Newbould iaitu seorang pegawai British Military Administration (BMA), yang memanggil Haji Ahmad Hakim sebagai “The Judge” menulis:

“In the discussion with the two Malay members which followed I could not persuade the Judge (Haji Ahmad Hakim) to agree to omit the sentence, as the other two were prepared to do, and the sentence was finally whittled down. The Judge (Haji Ahmad Hakim) wished to emphasize the fact that they had weighted their responsibilities to the people of the country very carefully”

Haji Ahmad Hakim dan MAIPs

Haji Ahmad Hakim memainkan peranan besar sebagai salah seorang “arkitek” ke arah penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis pada tahun 1920. Peranan beliau sebagai kadi atau hakim dan seterusnya ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis menjadikan beliau mampu membangkitkan isu tentang agama Islam. Antaranya isu penting yang diberi perhatian ialah mengenai hal ehwal Agama Islam yang telah diperbincangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis ialah perihal ibadah zakat lalu digubal Rang Undang-undang Zakat dan Fitrah bagi Negeri Perlis, Rang Undang-undang Yang Berhubung dengan Orang-orang Islam Di Negeri Perlis, dan susunan pentadbiran Pejabat Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis supaya sesuai dengan kehendak-kehendak semasa dan keperluan orang ramai. Isu lain seperti buku-buku bacaan yang bercanggah dengan ajaran Islam juga diambil perhatian dan tindakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan perkara-perkara seperti tersebut itu sentiasa diambil perhatian dari semasa ke semasa.

Malah, Tuan Haji Ahmad Hakim memainkan peranan yang amat penting sehingga dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis yang pertama dan rasmi sekitar tahun 1950-1959 (Mohd Nazim & Hazman, 2018). Sebagai *AG Magistrate* pula, Haji Ahmad Hakim turut memainkan peranan penting di belakang tabir dalam pengubalan Enakmen Zakat Negeri Perlis. Pada tahun 1927, Haji Ahmad Hakim dilantik sebagai Hakim Besar Perlis. Beliau turut berperanan sebagai perintis kepada penubuhan Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis, pengasas pembinaan Masjid Alwi, Kangar. Meskipun dilupakan dan jasa-jasanya tidak didendang, legasi perjuangan Haji Ahmad Hakim memartabatkan agama menerusi penubuhan MAIPs sesungguhnya masih berkekalan sehingga ke hari ini dan akan terus mekar di persada nasional, serantau dan antarabangsa.

Haji Ahmad Hakim: Arkitek Penubuhan MAIPs

Permulaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) berkait rapat dengan *The Muhammadan Marriages (Separation) Amendment Enactment* No. 14 berkenaan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk telah diluluskan pada 19 Zulhijjah 1337H bersamaan 12 September 1919. Pada 27 Jamadil Akhir 1340H bersamaan 24 Februari 1922 pula, *Shariah Court Enactment* No. 5 telah diwartakan. Kedua-dua enakmen ini telah diluluskan dalam mesyuarat *Perlis State Council* atau Majlis Mesyuarat Negeri Perlis dengan mendapat perkenan daripada Raja Syed Alwi Ibn Syed Saffi Jamalullail. Pengubalan kedua-dua enakmen ini dilihat sebagai asas penubuhan MAIPs yang bertanggungjawab kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu seperti pengurusan kutipan zakat, fatwa, pendidikan Islam dan lain-lain. Berpandukan minit-minit mesyuarat *Perlis State Council* sekitar tahun 1919 hingga 1922, maka berkemungkinan besar cadangan awal ke arah penubuhan MAIPs telah diangkat

pada sekitar tahun 1920. Walau bagaimanapun, MAIPs yang belum dinamakan MAIPs pada ketika itu telah berperanan sebagai Dewan Penasihat Raja yang dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail sendiri dan dianggotai oleh semua ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perlis seperti Haji Mohd Noor Bin Haji Muhammad dan Dato' Wan Teh Bin Dato' Arau, kecuali Penasihat British yang tidak beragama Islam (Hazman & Mohd Nazim, 2020).

Merujuk minit mesyuarat *Perlis State Council* pada sekitar tahun 1909-1920, didapati perkara berkaitan dengan pengurusan “Zakat” hanya mula dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat bertarikh 1 Mac 1920 bersamaan 3 Jamadil Akhir 1338H. Antara lain cabutan minit mesyuarat yang dijalankan pada satu abad yang lalu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris seperti berikut:

“1. Subject. A letter from the Kathi regarding the collection of “Zakat” (tithes) by mosque officials is read.

Decision. It is decided that the Kathi should prepare and distribute notices advising people of their duty in respect of “Zakat”.”

Persidangan pada 1 Mac 1920 yang dipengerusikan sendiri oleh Raja Syed Alwi Jamalullail telah membuat keputusan bahawa “Kathi” adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengedarkan maklumat (notis) mengenai kewajiban membayar zakat kepada seluruh rakyat Perlis. Berdasarkan maklumat ini, peranan MAIPs sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan “Zakat” telah bermula secara formal semenjak tahun 1920 lagi. Adapun kadi yang menulis surat kepada *State Council* adalah tidak lain dan tidak bukan merupakan Haji Ahmad Hakim sendiri. Justeru beliau menjadi pencetus penubuhan MAIPs di belakang tabir sehingga layak digelar sebagai arkitek pengasasannya.

Asas pengambilan 1920 sebagai tahun permulaan MAIPs juga disandarkan kepada perbandingan dengan beberapa buah negeri Melayu yang menubuhkan Majlis Agama Islam masing-masing juga pada sekitar tahun 1900-an seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 17 Safar 1334H bersamaan 24 Disember 1915 (Siti Fathihah & Mahani, 2021 & 2022), Majlis Agama Islam Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1925 (Muhammad Izuan, 2013) dan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) ditubuhkan pada tahun 1926. Secara tidak langsung, hipotesis penubuhan MAIPs pada tahun 1920 adalah bersesuaian.

Pada tahun 1930, Undang-Undang Mahkamah Syariah 1340H telah digubal semula bagi menambahbaik tadbir urus hal ehwal Islam di Perlis. Atas cadangan Sheikh Ahmad Bin Mohd. Hashim dan sokongan Haji Ahmad Hakim dan Wan Ahmad Bin Wan Daud, satu peraturan mengutip zakat mula digubal. Pada 20 Rejab 1351H bersamaan 18 November 1932, Raja Syed Alwi Jamalullail telah memperkenalkan Undang-Undang No. 3 mengenai kaedah kutipan zakat di Perlis. Kemudiannya, Perlis State Council meluluskan satu peraturan khas iaitu Peraturan Mengutip Zakat dan Fitrah Perlis 1932. Berikutan dengan itu, sebuah Jawatankuasa Perusahaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan zakat di Perlis telah ditubuhkan dengan dianggotai seramai 11 orang ahli termasuk Sheikh Ahmad Bin Mohd. Hashim, Haji Ahmad Hakim dan Wan Ahmad Bin Wan Daud. Hasil pemerkasaan pengurusan zakat di negeri Perlis, MAIPs mula mahsyur dengan nama Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis. Sebelum tahun 1949, peranan MAIPs sebagai Pejabat Zakat dan Fitrah dilaksanakan di Pejabat Pemeriksa Kira-kira Kerajaan Perlis. Pada tahun 1951 Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis mempunyai bangunan sendiri di Jalan Hospital, Kangar. Haji Ahmad Hakim bertanggungjawab memaklumkan kepada

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mengenai peraturan mengutip zakat di seluruh Perlis pada tahun 1953 (Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan, 2018).

Haji Ahmad Hakim turut memainkan peranan penting dalam proses pengasasan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dibentuk, nama MAIPs mula disebut secara khusus dan digunakan secara mantap sehingga berkekalan ke hari ini. Merujuk Perkara 6(1), Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, Raja Pemerintah Negeri Perlis boleh memerintah supaya ditubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Majlis ini bertanggungjawab sebagai badan penasihat rasmi DYMM Tuanku Raja Perlis dalam urusan hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu. Susulan daripada itu, pada 26 Safar 1369H bersamaan 18 Disember 1949, undang-undang khas penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis secara rasmi telah diluluskan oleh Perlis State Council. Undang-undang ini seterusnya telah mendapat perkenan daripada Almarhum DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 6 Rabiul Awal 1369H bersamaan 27 Disember 1949. Dengan penamaan rasmi ini, peranan dan tanggungjawab MAIPs menjadi semakin kemas, jelas dan mantap. Justeru tidak menghairankan apabila Haji Ahmad Hakim diberikan penghormatan menjadi Yang Dipertua MAIPs yang pertama dan dilantik oleh DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail pada tahun 1950-1959.

Rumusan

Haji Ahmad Hakim (1892-1964), tidak syak lagi merupakan salah seorang bapa pengasas negeri Perlis moden. Antara sumbangan signifikan beliau adalah menjadi pelaksana wasiat Raja Syed Alwi Jamalullail, pelantik DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai Raja Perlis dan ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis. Beliau turut berjasa sebagai pembaharu perundangan syariah, penentang Malayan Union dan permartabat institusi pendidikan di negeri Perlis.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) adalah badan tertinggi bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di negeri Perlis, Malaysia. Ditubuhkan semenjak tahun 1920 pada zaman pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail, MAIPs merupakan Dewan Diraja yang menjadi wadah pengubalan dasar-dasar pengurusan hal ehwal Islam yang tiada duanya di negeri Perlis. Bertitik tolak daripada kuasa-kuasa MAIPs yang diturunkan, lahirilah pelbagai agensi agama Islam di negeri Perlis seperti JAIPs, Jabatan Mufti Negeri Perlis, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis dan sebagainya.

Dalam sejarah penubuhan MAIPs, amat jarang diperkatakan tentang “arkitek” yang mencetus penubuhannya. Walhal Haji Ahmad Hakim merupakan kadi yang menulis surat bertanyakan perihal kutipan zakat yang diperbincangkan dalam mesyuarat *State Council Perlis* pada 1 Mac 1920 sehingga tertubuhlah MAIPs. Meskipun tidak disebut secara eksplisit, sumbangan beliau merintis pengoperasian MAIPs menerusi pelaksanaan *Shariah Court Enactment No. 5* tidak dapat disangkal lagi. Bakti beliau kepada MAIPs berkesinambungan apabila beliau menjadi pengasas kepada Jawatankuasa Zakat Fitrah Negeri Perlis pada tahun 1932. Kemuncaknya beliau dilantik sebagai Yang Dipertua MAIPs pertama pada tahun 1949. Bagi meneruskan warisan perjuangan dan mengharumkan kembali nama beliau, sudah tiba masanya legasi beliau diangkat semula oleh MAIPs khasnya dan negeri Perlis amnya.

Rujukan

- Abu Hanifah Haris. (2021). Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu: Pengaruh Timur Tengah dan Peranan Ulama, 1910-an sehingga 1950-an. *Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*. 40, 180-200.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat. (1992). *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis.
- Annual Report on The Malayan Union for 1946. (1947). *Malayan Union Government*.
- Azmah Abd Manaf & Azwan Ahmad. (2014). Peningkatan Kawalan British melalui Perjanjian Perlis-British 1930 dan Pengukuhan Kuasa Elit Melayu. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 23(1), 99-122. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol23no1.5>
- Simon C. Smith. (1955). *British Relation with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2020). *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor. (2020). *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunah Waljamaah dalam Perlembagaan Negeri Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman. (2001). *Zaman Penjajahan British, Pengalaman Kedah Perlis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan. (2018). *Sirajul Muluk: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. (2015). *Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman. (2013). Peranan Jabatan Agama Islam dan Agensi Kerajaan di Negeri Johor dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam sewaktu Pemodenan Johor, 1862-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History*. 22 (2), 57-76. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol22no2.3>
- Mustapha bin Dato' Mahmud. (2017). *The Memoirs of Dato' Sir Mahmud bin Mat*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Fathihah Abd Latif & Mahani Musa. (2022). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 241-255. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.19>
- Siti Fathihah Abd Latif & Mahani Musa. (2021). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) dan Pemodenan Pendidikan di Kelantan, 1917-1957. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48 (1), 1-29.
- Shukor Mat. (2005). Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad (SMKDSA). *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, XVII, 30-40.